

LESEN IMPORT (AP) FRANCAIS

A. AP FRANCAIS

1. AP Francais bermaksud syarikat pemegang AP yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk mengimport kenderaan motor pasang siap yang baharu berjenama spesifik dari negara prinsipal/pengeluar di luar negara, berdasarkan kepada garis panduan dan syarat kelulusan semasa yang ditadbir urus oleh MITI

B. GARIS PANDUAN

1. Syarikat AP Francais hendaklah mempunyai perjanjian francais eksklusif yang sah dengan:
 - (i) Syarikat prinsipal; ATAU
 - (ii) Subsidiari kepada syarikat prinsipal tertakluk kepada syarat berikut:
 - a. Sekurang-kurangnya 51% daripada saham-saham syarikat subsidiari dimiliki oleh syarikat prinsipal; dan
 - b. Subsidiari kepada syarikat prinsipal hendaklah menjalankan aktiviti pengilangan bagi pihak syarikat prinsipal.
2. Sekurang-kurangnya 70% saham syarikat dimiliki oleh Bumiputera.
3. Modal berbayar syarikat hendaklah sekurang-kurangnya RM1 juta.
4. Syarikat hanya dibenarkan mengimport kenderaan penumpang baharu dalam bentuk CBU, yang mana, pengimportan dibuat secara terus dari syarikat prinsipal ATAU kilang syarikat prinsipal di luar negara seperti yang ditetapkan dalam perjanjian francais.
5. Pengambilan alih hak francais daripada syarikat sedia ada dibenarkan.
6. Import dibenarkan berdasarkan kepada perancangan import tahunan syarikat yang telah dipersetujui dengan syarikat prinsipal.
7. Syarikat layak memohon penguatkuasaan sekatan import. Permohonan sekatan import kenderaan CBU kategori baharu sesuatu jenama boleh dipertimbangkan sekiranya:
 - (i) Perjanjian francais bersifat eksklusif;
 - (ii) Sekatan jenama adalah berdasarkan kepada permohonan syarikat pemegang AP Francais; dan
 - (iii) Pelaburan tinggi yang dibuat syarikat untuk mendapatkan hak Francais dan menyediakan perkhidmatan selepas jualan.

8. Pelaksanaan sekatan import tidak akan membolehkan syarikat-syarikat AP Terbuka mengimport kenderaan CBU kategori baharu jenama yang dikenakan sekatan import, yang mana, hak eksklusif bagi mengimport kenderaan CBU baharu jenama tersebut dipegang oleh syarikat AP Francais yang telah dilantik oleh MITI.

C. SYARAT KELULUSAN YANG PERLU DIPATUHI

Syarat-syarat kelulusan AP Francais yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang telah dilantik oleh MITI adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat mengekalkan sekurang-kurangnya 70 peratus pegangan ekuiti Bumiputera;
- (ii) Sebarang perubahan pegangan ekuiti dan Ahli Lembaga Pengarah hendaklah mendapat kelulusan Kementerian ini terlebih dahulu;
- (iii) Kenderaan yang dibenarkan diimport:

a. Kereta

- Internal Combustion Engine (ICE)

- Kereta penumpang berkapasiti enjin melebihi 1,800 cc;
- Kereta mempunyai harga jualan atas jalan melebihi RM250,000 seunit;
- Kereta penumpang yang tidak berpotensi memberi saingan dan menjejaskan pasaran kenderaan pemasangan tempatan (kereta yang telah dipasang tempatan); dan
- Bukan kenderaan *tuned-up*.

- Kereta Elektrik

- Pengimportan kereta elektrik (EV) diberi kelonggaran sementara sehingga 31 Disember 2025:
 - Tidak tertakluk kepada syarat had kapasiti enjin setara melebihi 1,800 cc; dan
 - Namun demikian, harga jualan atas jalan hendaklah tidak kurang dari RM100,000.
- Model kereta elektrik (EV) yang hendak diimport perlu mempunyai pensijilan United Nations Regulation No. 100.

b. Motosikal

- ICE

- Motosikal penumpang berkapasiti enjin 250cc dan ke atas sahaja; dan

- Motosikal penumpang yang tidak berpotensi memberi saingan dan menjejaskan pasaran kenderaan pemasangan tempatan (motosikal yang telah dipasang tempatan).
- Motosikal Elektrik
 - Pengimportan motosikal elektrik (EV) diberi kelonggaran sementara sehingga 31 Disember 2025:
 - Tidak tertakluk kepada syarat had kapasiti enjin setara melebihi 250 cc;
 - Namun demikian, harga jualan atas jalan hendaklah tidak kurang dari RM12,000.
 - Model motosikal elektrik (EV) yang hendak diimport perlu mempunyai pensijilan United Nations Regulations No. 136 atau MS 2413.
- (iv) Syarikat mengemukakan Penyata Kewangan Beraudit terkini sebelum peruntukan AP tahunan dikeluarkan kepada syarikat;
- (v) Sekiranya hak sebagai pemegang francais dibatalkan, peruntukan AP juga akan dibatalkan tanpa menggantikannya dengan kenderaan jenis lain;
- (vi) Syarikat hendaklah memaklumkan Kementerian ini mengenai penamatan perjanjian dengan syarikat prinsipal dan sebarang perubahan kepada perjanjian berkenaan;
- (vii) Pengimportan hendaklah dibuat secara terus dari syarikat prinsipal dan dari negara seperti yang ditetapkan dalam perjanjian dan bagi model yang belum dipasang di Malaysia;
- (viii) Pengimportan dari negara selain negara syarikat prinsipal perlu dinyatakan dalam perjanjian sedia ada atau menerusi addendum kepada perjanjian sedia ada dengan syarikat prinsipal;
- (ix) Pengimportan dari negara ASEAN adalah tertakluk kepada pematuhan syarat tempasal sekurang-kurangnya 40 peratus bahan mentah tempatan/serantau di bawah skim ASEAN *Trade In Goods Agreement* (ATIGA);
- (x) Perniagaan, termasuk pengimportan dan penjualan kenderaan hendaklah dijalankan sendiri oleh syarikat tanpa menggunakan perkhidmatan syarikat pengantara;
- (xi) Semua pesanan dan pembelian kenderaan hendaklah dalam lingkungan peruntukan AP yang diluluskan;
- (xii) AP (Borang JK69) yang telah diluluskan oleh MITI secara *online* hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kenderaan tiba di pelabuhan;
- (xiii) Semua peruntukan AP hendaklah digunakan pada tahun semasa iaitu sebelum 31 Disember 2023 atau tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh MITI;

- (xiv) Semua urusan pengimportan hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa sah laku AP (6 bulan) atau sebelum 31 Disember 2023;
- (xv) Maklumat yang dinyatakan di dalam dokumen sokongan pengimportan seperti *invois*, *Bill of Lading* dan *Certificate of Origin/Form D* (untuk pengimportan dari ASEAN) hendaklah sama dengan maklumat AP; dan
- (xvi) Syarikat hendaklah menyedia dan mengekalkan kemudahan ruang pejabat dan bilik pameran yang bersesuaian.

Dikemaskini 8 Ogos 2023